KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

LPPKN

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA




# RINGKASAN EKSEKUTIF

# PELAN STRATEGIK

# LPPKN 2021-2025

www.lppkn.gov.my

Kita kan

Keluarga

# VISI DAN MISI

LPPKN adalah pemacu agenda kependudukan dan kekeluargaan di Malaysia




**Peneraju Kesejahteraan Keluarga**

**Memacu agenda kependudukan, perkahwinan dan kekeluargaan melalui penyelidikan, perkhidmatan dan program pembangunan keluarga yang inovatif ke arah kemakmuran bersama**

# MANDAT DAN FUNGSI

LPPKN ditubuhkan di bawah Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 sebagai peneraju bidang pembangunan keluarga, kependudukan dan reproduksi manusia di Malaysia




## BIDANG TERAS LPPKN

- PEMBANGUNAN KELUARGA
- KEPENDUDUKAN
- REPRODUKSI MANUSIA

Sumber : Akta Penduduk & Pembangunan Keluarga 1966; Laporan Tahunan LPPKN 2019; Laman Web Rasmi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara - Kuasa, Fungsi Dan Tanggungjawab (lppkn.gov.my)

# SEJARAH PENUBUHAN DAN EVOLUSI LPPKN



# PENCAPAIAN DAN KEMAJUAN LPPKN (2016-2020)

Agensi ini terus diperkukuh melalui penggubalan dasar, perkhidmatan dan program berimpak tinggi bagi meningkatkan kualiti penduduk dan kesejahteraan keluarga

## 2016

- Program MamaCare terpilih sebagai satu projek inovasi sosial yang dibentangkan di Challenges of Government Conference 2016 di Blavatnik School of Government, Oxford University
- **Penyertaan LPPKN sebagai ahli High Advisory Board kepada Union of NGOs in the Islamic World (UNIW-IDSB)**

## 2017

- Penerima anugerah bagi kategori Organisasi Keluarga 2017 dari International Federation For Family Development (IFFD)
- Finalis Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2017 menerusi pencalonan Program Penjagaan Ibu Lepas Bersalin, MamaCare
- Pusat Bertauliah Mamacare
- Pelancaran Modul Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) oleh YAB TPM
- Pelancaran Pusat Transit Remaja KafeTEEN Mobile Trak kafeteen
- IKK diambil kira sebagai *outcome* RMK-11 dan RMK-12

## 2018

- Memorandum persefahaman dengan Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Jabatan Kesihatan Pulau Pinang untuk mempertingkatkan kepakaran dalam bidang kaunseling
- **Penubuhan Kelab KafeTEEN di Sekolah**
- LPPKN mewakili Malaysia dalam keanggotaan UNCPD sehingga 2023
- Perluasan pelaksanaan Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) di peringkat sekolah di seluruh negara

## 2019\ 2020

- Diiktiraf sebagai Penyedia Latihan Keibubapaan Berdaftar (Registered Training Provider) kepada majikan sektor swasta
- Mewakili Malaysia ke Kemuncak Nairobi ICPD+25 di Nairobi, Kenya dan membentangkan pelaksanaan komitmen Malaysia
- Usaha ke arah menjadikan perkhidmatan kaunseling perkahwinan dan kekeluargaan LPPKN digunakan dalam proses pendamaian perkahwinan yang dibicarakan di bawah Tribunal Perkahwinan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
- Salah satu daripada tiga agensi Badan Berkanun Persekutuan yang mendapat markah cemerlang dalam prestasi pengurusan kewangan berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018
- Pengumuman insentif kesuburan bagi membantu pasangan mendapatkan rawatan kesuburan seperti *In-Vitro Fertilisation* (IVF) yang melibatkan usahasama agensi KWSP bersama LPPKN
- Pelaksanaan Program Rintis Bantuan Prosedur Subfertiliti Permanian Dalam Rahim (IUI)
- Pelancaran Deklarasi Keluarga Malaysia (DKM) oleh YAB TPM

# DASAR DAN PUNCA KUASA

Penglibatan LPPKN dalam dasar negara sebagai peneraju pelan tindakan berkaitan bidang kekeluargaan dan kependudukan membuktikan kepentingan agensi ini dalam pembangunan negara

## Agenda Nasional




### WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA

Menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030

Modal sosial : Indeks Kesejahteraan Keluarga




### RANCANGAN MALAYSIA KE-12

Bab 5 : Menangani kemiskinan dan membangunkan masyarakat inklusif
Bidang keutamaan F : Memperkasa kumpulan sasar khusus.
Strategi F6 : Memperkukuh institusi keluarga




### SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

Rangka tindakan global untuk mencapai masa depan yang lebih baik dan lestari untuk semua

# Dasar di Bawah Seliaan LPPKN




**Dasar Keluarga Negara (DKN)**




**Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI)**



**Polisi Perancang Keluarga**




**Dasar Kependudukan Malaysia Ke Arah 70 Juta Penduduk**

# Dasar dan Komitmen Lain Yang Melibatkan LPPKN




**Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal**




**Dasar Warga Emas Negara**



**Dasar Wanita Negara**




**Pelan Strategik KPWKM 2021- 2025**




**Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU)**



**Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur**




**Dasar Komuniti Negara**



**National Adolescent Health Plan of Action**




**Dasar Belia Malaysia**



**Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara**




**Dasar Sosial Negara**




**Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI)**

# KOMITMEN ANTARABANGSA

Penglibatan LPPKN dalam dasar negara sebagai peneraju pelan tindakan berkaitan bidang kekeluargaan dan kependudukan membuktikan kepentingan agensi ini dalam pembangunan negara

- Keahlian LPPKN sebagai anggota tetap dalam United Nations Commision on Population and Development (UNCPD)
- Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals 2030)
- Kerjasama dengan UNFPA bagi merangka dan melaksanakan inisiatif di bawah Country Programme Action Plan (CPAP) 2021-2025, seiring dengan pelan rangka kerja United Nations Sustainable Development Cooperation Framework (UNSDCF)
- Komitmen yang dibuat oleh Malaysia pada Sidang Kemuncak Nairobi (2019) dan Cairo (1994)
- LPPKN dilantik sebagai High Advisory Board Union of NGOs in The Islamic World (UNIW-IDSB) yang berpusat di Turki

- Country Programme Action Plan (CPAP) UNICEF – KPWKM 2021 turut melibatkan agensi berkaitan yang memfokuskan pembangunan, perlindungan dan kebajikan kanak-kanak
- LPPKN dipertanggungjawabkan sebagai Lead Gov Agency & Key Gov Partners untuk aktiviti di bawah bidang tematik berkaitan Response Plan On Action, Parenting Support and Strengthen Social Protection Mechanism
- Kolaborasi bersama Badan Kependudukan dan Keluarga Berencana Nasional (BKKBN), Indonesia bagi projek-projek khas mengenai kesihatan reproduktif

# ISU DAN CABARAN

Bergerak ke hadapan, LPPKN memikul tanggungjawab yang lebih besar dalam menerajui respon kerajaan terhadap isu kekeluargaan serta trend kependudukan yang telah dipercepatkan oleh pandemik COVID-19

**Keibubapaan Digital (*Digital Parenting*)**

Penggunaan peranti dalam kalangan kanak-kanak yang meningkat kerana Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) memberikan risiko penggunaan internet yang tidak terkawal

**Generasi Boomerang**

Lebih ramai golongan dewasa dalam lingkungan bekerja yang terpaksa bergantung kepada ibubapa mereka semula selepas sumber pendapatan terjejas akibat pandemik

**Institusi keluarga yang terjejas**

Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpanjangan telah mengundang pelbagai isu kekeluargaan yang membimbangkan

**Keluarga Sandwic**

Lebih ramai wanita terpaksa mengimbangi kerjaya kerana pada masa sama menguruskan ibu bapa serta anak-anak di rumah

**Kesihatan mental keluarga yang membimbangkan**

Tekanan emosi ahli keluarga di semua peringkat yang disebabkan PKP yang berpanjangan, sumber pendapatan yang terjejas, situasi Bekerja Dari Rumah (BDR) serta PdPR

**Simpanan hari tua yang berkurangan**

Pada tahun 2019, KWSP melaporkan hanya 65% warga emas mempunyai simpanan hanya cukup untuk 5 tahun selepas bersara. Tambahan lagi, sejak pandemik, inisiatif seperti i-Sinar, i-Lestari serta pengeluaran wang simpanan peribadi untuk kelangsungan hidup

Sumber: Analisa Pasukan PSL21-25

Impak COVID-19 terhadap keluarga dan penduduk Malaysia adalah tambahan daripada trend sedia ada yang telah pun dikenal pasti dan perlu ditangani oleh LPPKN

**1 Era Penduduk Menua Menjelang 2030**

15% (5.8 juta) penduduk berusia 60 tahun ke atas pada tahun 2030. Jangka hayat penduduk akan semakin panjang, saiz keluarga semakin mengecil

**2 Nilai kekeluargaan dan jati diri remaja semakin terhakis**

Peningkatan kadar kehamilan remaja, salah laku seksual, penggunaan dadah dan buli siber

**3 Kestabilan Institusi Perkahwinan Semakin Tergugat**

Kadar Perceraian Kasar 2019 mencatatkan 1.8 kes perceraian bagi setiap 1,000 orang penduduk dan dijangka akan terus meningkat

**4 Penyelarasan pendidikan dan perkhidmatan kesihatan reproduktif**

Kadar penggunaan kontraseptif yang rendah berbanding negara maju. Kadar *unmet needs* yang tinggi serta ketiadaan Pendidikan Seksualiti yang selaras

**5 Kadar kesuburan menurun dengan pantas**

Kadar kesuburan secara keseluruhan atau *Total Fertility Rate* (TFR) Malaysia dijangka akan terus menurun daripada 1.8 (2019) kepada 1.7 (2030)

**6 Era teknologi digital dan *media convergence***

Dipercepatkan oleh pandemik COVID-19 dengan teknologi digital yang disruptif serta situasi Bekerja Dari Rumah (BDR) dan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)

**7 Kesan pasca pandemik COVID-19 ke atas keluarga**

COVID19

Situasi ekonomi dan sosial yang terjejas memberi kesan kepada kesihatan mental dan kestabilan keluarga

**8 Era Generasi Millenium**

Generasi millenium mempunyai set nilai berbeza dengan generasi X berkaitan kekeluargaan

# HALA TUJU LPPKN (2021-2025)

LPPKN akan memperkukuhkan peranannya sebagai peneraju dalam pembinaan keluarga Malaysia yang sejahtera menerusi peranan menasihati kerajaan, membangun program intervensi keluarga dan memantau pelaksanaan menerusi penguatkuasaan dalam bidang teras pembangunan keluarga, kependudukan dan reproduksi manusia

**Hala Tuju LPPKN (2021-2025)**

Peneraju dalam pembinaan keluarga Malaysia yang sejahtera menerusi peranan menasihati kerajaan, membangun program intervensi keluarga dan memantau pelaksanaan menerusi penguatkuasaan dalam bidang teras pembangunan keluarga, kependudukan dan reproduksi manusia

## Merangkumi:

1. **Menjadi penasihat dan sumber rujukan utama dalam pembangunan keluarga, kependudukan dan reproduksi manusia**
2. **Mewujudkan pusat kecemerlangan dalam ceruk bidang terpilih di bawah teras utama LPPKN seperti kaunseling keluarga, perkahwinan, subfertiliti dan penuaan penduduk**
3. **Menjadi penguatkuasa program pembangunan keluarga, kependudukan dan reproduksi manusia (aspek sosial)**
4. **Meluaskan rangkaian kerjasama strategik untuk memantapkan pelaksanaan serta impak program dan perkhidmatan**
5. **Meneraju program dan perkhidmatan pembangunan keluarga dan kependudukan dalam era digital dan pasca pandemik**
6. **Menjana pendapatan melalui perkhidmatan dan pelaburan untuk menjamin kelangsungan perkhidmatan dan kemampanan organisasi**

# FOKUS UTAMA

Fokus kerja LPPKN untuk lima tahun akan datang adalah untuk mencapai jangkaan hasil bagi setiap teras bidang yang berpaksikan hala tuju organisasi

Jangkaan Hasil 2025

## Kependudukan

- Memperkukuhkan penyelidikan dan analisis kependudukan
- Memastikan pangkalan data kependudukan yang dikemas kini dan boleh dipercayai
- Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang isu, impak dan trend populasi kepada masyarakat umum



## Pembangunan Keluarga

- Menjadi pusat sumber utama berkaitan kesejahteraan keluarga
- Menjadi penguatkuasa untuk pendidikan perkahwinan, keluarga dan keibubapaan
- Mewujudkan pusat kecemerlangan kaunseling keluarga
- Menjadi inovator program kekeluargaan yang berimpak tinggi



## Reproduksi Manusia

- Memperkukuhkan peranan LPPKN sebagai pusat kecemerlangan subfertiliti
- Memperluaskan kesedaran dan pengetahuan mengenai isu dan masalah kesuburan
- Menerajui agenda dan koordinasi pendidikan sosial dan kesihatan reproduktif
- Menerajui koordinasi, advokasi dan latihan berkaitan perancangan keluarga



# RINGKASAN HALA TUJU

Untuk mencapai jangkaan hasil yang dihasratkan, 4 Teras Strategik serta 5 Pemboleh Daya yang meliputi 44 Langkah Strategik perlu dilaksanakan dalam masa 5 tahun yang akan datang



# KERANGKA PELAN STRATEGIK LPPKN 2021-2025

## Agenda Kemakmuran Bersama 2030

**Agenda Nasional**

Rancangan Malaysia Ke-12 | Pelan Strategik KPWKM | Dasar Keluarga Negara | Dasar Kependudukan Negara | Sustainable Development Goals | 18 Dasar Kerajaan

**Hala Tuju**

Peneraju dalam pembinaan keluarga Malaysia yang sejahtera menerusi pengukuhan peranan menasihati kerajaan, membangun program intervensi keluarga dan memantau pelaksanaan menerusi penguatkuasa dalam bidang teras pembangunan keluarga, kependudukan dan reproduksi manusia

**Teras Strategik** dan **Langkah Strategik**

| Mempertingkatkan pengintegrasian faktor-faktor kependudukan dalam perancangan pembangunan | Memperkukuhkan institusi keluarga yang sejahtera dan berdaya tahan ke arah melahirkan generasi keluarga yang berkualiti dan berperibadi mulia | Memperluas aksesibiliti khidmat sokongan keluarga untuk memenuhi keperluan keluarga bersasar | Memantapkan tadbir urus organisasi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan |
|---|---|---|---|
| 1. Mempertingkatkan penyelidikan dan pemantauan trend aliran kependudukan negara<br><br>2. Memperluaskan penyebaran kajian melalui penyertaan dalam persidangan serta penerbitan jurnal berkredibiliti di peringkat dalam dan luar negara<br><br>3. Menambah baik pemantauan tahap kesejahteraan keluarga menerusi penambahbaikan berterusan pengukuran Indeks Kesejahteraan Keluarga<br><br>4. Memperkasa Penyelidikan dan Pembangunan (RnD) menerusi penyediaan geran penyelidikan LPPKN<br><br>5. Memperkukuhkan peranan sebagai agensi rujukan utama kerajaan dalam bidang kependudukan dan kekeluargaan<br><br>6. Menerajui agenda kependudukan dan pembangunan ke arah negara tua menjelang 2030 | 1. Mengukuh institusi perkahwinan menerusi kursus persediaan perkahwinan secara wajib kepada pasangan bukan Islam<br><br>2. Membangunkan pendigitalan modul latihan dan pendidikan kekeluargaan yang terkini<br><br>3. Merekayasa sistem akreditasi latihan dan modul berkaitan keibubapaan dan kekeluargaan<br><br>4. Menambah baik mekanisme dan keberkesanan pelaksanaan program kekeluargaan LPPKN<br><br>5. Membangun sistem sokongan khas bagi melindungi kestabilan dan kesejahteraan institusi perkahwinan<br><br>6. Memperkasa kaunseling perkahwinan dan keluarga ke arah kesejahteraan keluarga<br><br>7. Memastikan pelaksanaan hala tuju Pusat Kecemerlangan Perkhidmatan Kaunseling Perkahwinan, Perceraian dan Keluarga | 1. Mengukuh program advokasi berkaitan perancang keluarga bagi memenuhi keperluan keluarga yang terpinggir<br><br>2. Meningkatkan advokasi dan khidmat sokongan berkaitan saringan kesihatan reproduktif wanita<br><br>3. Memperkukuhkan kepakaran dan perkhidmatan Pusat Subfertiliti LPPKN yang berkualiti ke arah pembangunan Pusat Kepakaran Subfertiliti Kebangsaan<br><br>4. Meneraju agenda program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) ke arah pembinaan generasi keluarga yang sejahtera<br><br>5. Memperkasakan Pusat Remaja KafeTEEN sebagai peneraju kecemerlangan dan kelestarian pembangunan remaja | 1. Menambah baik tadbir urus dan memastikan penjanaan pendapatan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan<br><br>2. Merasionalisasi dan mengkomersialkan hartanah LPPKN<br><br>3. Memantapkan akta dan perundangan bagi meningkatkan peranan baharu dan penjanaan pendapatan ke arah mengurangkan kebergantungan kewangan kepada kerajaan<br><br>4. Memantapkan pengkomersialan produk LPPKN menerusi bidang niaga baharu anak syarikat LPPKN<br><br>5. Mewujudkan Dasar Pelaburan LPPKN yang komprehensif |

**Pemboleh Daya Strategik**

### Pendigitalan perkhidmatan LPPKN

1. Mendigitalkan perkhidmatan LPPKN agar lebih responsif kepada keperluan masa kini dan perubahan era IR4.0
2. Membudayakan persekitaran ICT di LPPKN
3. Menginstitusikan pengurusan rekod secara digital
4. Mengukuhkan Infrastruktur ICT
5. Mewujudkan pangkalan data yang dinamik dan terbuka (*Open Data*) dengan kemampuan menyokong Data Raya (*Big Data*)

### Kualiti dan kapasiti sumber manusia

1. Memperkukuhkan Sumber Manusia dan Struktur Organisasi LPPKN
2. Membangun dan melaksanakan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia LPPKN yang selaras dengan PSL21-25
3. Membangun dan melaksanakan Pelan Penggantian
4. Membangun dan melantik tenaga kerja yang mempunyai bidang kepakaran yang diperlukan oleh LPPKN
5. Mempertingkatkan prestasi anggota LPPKN
6. Menambah baik Kaedah Penilaian Pengambilan Anggota LPPKN Secara Dalam Talian
7. Memperkukuhkan budaya korporat LPPKN

### Penjenamaan dan penyebaran maklumat

1. Memantapkan pelan media LPPKN
2. Mewujudkan *response mechanism* untuk mempercepatkan maklum balas LPPKN terhadap isu-isu kependudukan dan kekeluargaan
3. Memperluaskan komunikasi LPPKN di media baharu
4. Mempertingkatkan kesedaran dan penerimaan Bulan Keluarga
5. Menganjurkan aktiviti untuk menyebarluaskan hasil penyelidikan LPPKN kepada pihak berkepentingan dan orang awam

### Rangkaian kerjasama strategik

1. Memperkukuhkan kolaborasi strategik dan mengenal pasti sumber dana bagi pelaksanaan program dan perkhidmatan LPPKN
2. Memperluas jangkauan program komuniti LPPKN

### Mekanisme pelaksanaan dan pemantauan

1. Memperkukuhkan kebolehan pemantauan dan penyelarasan LPPKN
2. Membangunkan mekanisme pendekatan mesra keluarga

10 aspirasi utama LPPKN 2021 – 2025 membuktikan relevansi LPPKN untuk pembangunan dan kesejahteraan negara

**01** **National Subfertility Centre (NSC)** sebagai pusat kecemerlangan subfertiliti dan kesejahteraan keluarga di Malaysia

**02** Peneraju agenda kaunseling keluarga melalui **pusat kecemerlangan kaunseling dan psiko terapi keluarga**

**03** Peningkatan kemahiran keibubapaan melalui ***digital parenting*** di kalangan keluarga Malaysia

**04** Pemacu **Dasar Kependudukan Negara** bersama KPWKM dalam menghadapi era penduduk menua

**05** Penerapan elemen **kaunseling keluarga** diwujudkan di dalam proses penceraian Islam & bukan Islam

**06** **Kursus Pra Perkahwinan** bersepadu kepada pasangan bukan Islam

**07** Peneraju kepada agenda **kecemerlangan kesejahteraan remaja** ke arah pembangunan sahsiah positif

**08** **Tabung Keluarga** akan menjadi *game changer* dalam memastikan sokongan kepada keluarga-keluarga di Malaysia

**09** **Sistem akreditasi** modul keibubapaan untuk Malaysia dan kursus keibubapaan wajib bagi golongan sasaran

**10** Pemacu penyelidikan berkaitan keluarga dan kependudukan melalui **pangkalan data, penerbitan jurnal dan geran penyelidikan** untuk membantu perancangan polisi di Malaysia

LPPKN

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)
NO. 12B, BANGUNAN LPPKN,
JALAN RAJA LAUT, 50350 KUALA LUMPUR
TEL : 603-2613 7555
FAX : 603-2693 7250
E-MEL : penduduk@lppkn.gov.my

www.lppkn.gov.my

lppkn